

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO KOPERASI TIER 1
DAN TIER 2 DI MALAYSIA**

RUZILAH ABD MALEK

AHMAD FAIZAL SHAARANI

MOHD SHAHRON ANUAR SAID

AZMALIZA ARIFIN

INTAN NUR AZREEN MOHAMAD RADZI

JUN 2015

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan risiko telah memberi faedah yang begitu besar dalam mengawal pembaziran dan juga mengurangkan kos. Ketidaktentuan ekonomi juga akan mengakibatkan wujud pelbagai risiko yang perlu dihadapi dan ditangani secara bijaksana serta memerlukan pendekatan yang anjal. Terdapat risiko yang boleh dijangka atau diramal berlaku berdasarkan kepada pengalaman dan peristiwa yang pernah berlaku. Maka koperasi perlu membuat persediaan lebih awal bagi menghadapi risiko terutamanya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sama ada risiko perniagaan mahupun risiko pengurusan.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengurusan risiko, kesedaran dan komitmen pengurusan terhadap pengurusan risiko di koperasi. Sektor koperasi juga seperti sektor-sektor ekonomi yang lain telah mengalami transformasi dalam pelbagai aspek yang mendedahkan koperasi kepada banyak aktiviti pengambilan risiko yang sebelum ini tidak ketara. Sektor korporat juga semakin banyak menjalinkan hubungan perniagaan dengan koperasi dalam berbagai-bagai bentuk kerjasama. Keadaan ini telah mendorong koperasi-koperasi menjalin kerjasama pihak luar bagi mengeluarkan dan mempromosikan pelbagai produk termasuk berkaitan dengan pelaburan, pembiayaan dan sebagainya.

Rangka kerja penyeliaan koperasi (PRISKOP) telah dilancarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk membantu koperasi menghadapi ekonomi yang tidak menentu, meramalkan risiko perniagaan dan risiko pengurusan yang bakal berlaku seterusnya memandu koperasi mengambil tindakan pencegahan bukan pembetulan. Pemeriksaan PRISKOP adalah langkah-langkah pemeriksaan yang dilakukan secara berstruktur dan tersusun bermula dari langkah penentuan aktiviti –aktiviti utama koperasi, kemudian melalui proses penilaian risiko yang terperinci sehinggalah ke peringkat pelaporan dan tindakan intervensi. Rangka kerja koperasi telah membahagikan koperasi kepada koperasi Tier 1, koperasi Tier 2 dan Tier 3.

Kajian ini dijalankan terhadap 40 koperasi di Malaysia yang diklasifikasikan sebagai koperasi Tier 1 dan Tier 2. Responden terdiri daripada staf pengurusan yang menghadiri mesyuarat pengurusan koperasi. Kajian mendapati bahawa terdapat hanya 50 peratus dalam kalangan koperasi Tier 1 dan Tier 2 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko, manakala hanya 43 peratus yang mempunyai Unit Pengurusan Risiko. Secara amnya, tahap pelaksanaan pengurusan risiko adalah lebih tinggi dalam kalangan koperasi Tier 1 berbanding Tier 2. Ini terbukti dengan 77 peratus koperasi Tier 1 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko berbanding hanya 37 peratus di koperasi Tier 2.

Kajian juga mendapati bahawa tahap kesedaran terhadap pengurusan risiko lebih tinggi dalam kalangan pengurusan koperasi Tier 1 berbanding koperasi Tier 2. Bagi koperasi Tier 1, tahap kesedaran adalah tinggi. Sebaliknya, bagi koperasi Tier 2 tahap kesedaran masih rendah bagi kesemua lima proses berkenaan, iaitu identifikasi, kawalan, penilaian, pengukuran dan pemantauan. Koperasi Tier 1 merupakan koperasi berimpak besar, maka penyeliaan dan penilaian risiko secara berterusan dilaksanakan oleh pihak SKM. Oleh sebab itu, tahap kesedaran koperasi Tier 1 lebih tinggi berbanding Tier 2.

Di bahagian akhir kajian ini beberapa cadangan yang telah diusulkan oleh responden untuk penambahbaikan dan pemantapan pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi. Cadangan penyelidikan masa depan juga diberikan penyelidik sebagai inspirasi kajian lanjutan akan datang.